

22 JUL 2002

PRESIDEN IRAN DIBERIKAN SAMBUTAN RASMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Presiden Iran Seyed Mohammad Khatami dan isterinya, Zohreh Sadeqi yang dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia diberikan sambutan rasmi negara di Medan Parlimen di sini hari ini.

Ketibaan presiden itu di medan itu pukul 10.05 pagi disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum memeriksa perbarisan kehormat.

Mohammad Khatami bersama isterinya kemudian diperkenalkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan menteri kabinet serta orang kenamaan lain.

Mohammad Khatami, yang tiba di sini malam tadi, petang ini dijadualkan mengadakan pertemuan tertutup dengan Dr Mahathir di pejabatnya di Putrajaya sebelum menghadiri mesyuarat delegasi.

Malam ini Mohammad Khatami akan dibawa menghadap Yang di-Pertuan Agong dan diraikan pada santapan negara di Istana Negara.

-- BERNAMA

AZH ZS NMO